

**TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA PERASMIAN FESTIVAL KONVOKESYEN
DI TAPAK UniMAP,
KAMPUS ALAM UniMAP PAUH PUTRA
PADA 25 OKTOBER 2018**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI DIRAJA

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang juga Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro-Canselor UniMAP.

Seluruh warga Universiti merafak sembah, menjunjung kasih atas perkenan Duli-duli Tuanku kerana sudi berangkat hadir ke Majlis Perasmian Festival Konvokesyen ke-13 (FESTKON13) malam ini.

Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku menunjukkan sokongan dan keprihatinan terhadap program UniMAP dan pastinya memberi suntikan semangat buat seluruh patik sekalian. Patik dan sekalian hadirin amat

berbesar hati dengan keberangkatan Duli-duli Tuanku memeriahkan Majlis malam ini.

Ampun Tuanku, patik mohon limpah perkenan Duli Tuanku untuk memberi sepatah dua kata kepada para hadirin. Ampun Tuanku.

SALUTASI

Yang Berbahagia Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin,

Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP dan Yang Berbahagia Datin

Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UniMAP

Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Prof Madya Razli Ahmad, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,

Dekan-dekan, ketua Jabatan,

Yang Berusaha saudari Faridah Mukhrofun, Naib Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar dan selaku Pengarah ,

Para Penaja, rakan-rakan media, sekretariat , anak-anak mahasiswa UniMAP,

Seterusnya hadirin hadirat sekalian,

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Azza Wajlla, kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat berhimpun dalam satu lagi majlis besar universiti yang bakal tercatat dalam sejarah UniMAP yang kita kasihi ini.
2. Pada kesempatan ini, ingin saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jawatankuasa pelaksana Festival Konvokesyen ke-13

atau lebih dikenali sebagai yang diterajui saudari Faridah Mukhrofun dalam menjayakan festival yang penuh gilang-gemilang ini.

3. Segala usaha gigih, titik peluh dan pengorbanan daripada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan FESTKON 13 amat saya hargai. Saya yakin tanpa kerjasama dan semangat yang tinggi untuk menjayakan FESTKON pada tahun ini, majlis sebesar ini amat sukar untuk dilaksana dan direalisasikan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

REVOLUSI MINDA KREATIF

4. Seperti yang telah kita sedia maklum, penganjuran FESTKON merupakan tradisi tahunan yang kita anjurkan dengan keseluruhannya diuruskan oleh pelajar-pelajar UniMAP. Bertepatan dengan Tema FESTKON 13 kali ini iaitu “Revolusi Minda Kreatif”, apa yang kita lakukan ini adalah bertujuan bagi memberikan pendedahan kepada pelajar untuk berfikir di luar kotak.
5. Saya difahamkan, pada FESTKON kali ini program-program yang dianjurkan lebih terarah kepada mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 yang selari dengan kehendak kerajaan kita. Pendedahan ini amat baik kerana, untuk menghadapi fenomena Industri 4.0, negara memerlukan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi agar daya saing dapat diperkasakan.
6. UniMAP sentiasa ke depan dalam melengkapi anak-anak pelajarnya dengan nilai tambah sebagai persediaan menjadikan mereka sebagai pelapis yang mewarisi pentadbiran organisasi dan negara.

Anak didik yang saya kasihi sekalian,

7. Saya pasti FESTKON kali ini bakal memberikan kejutan dalam misi menarik minat masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti universiti bersesuaian dengan tema kali ini. Kelainan yang dibawa kali ini adalah dengan menyediakan program-program yang berunsurkan inovasi dan rekacipta bagi merangsang nilai inovasi dalam setiap individu.
8. Saya difahamkan, setiap program yang dijalankan menitik beratkan konsep yang santai dan mudah diterima masyarakat serta lebih dekat dengan keadaan semasa. Saya yakin Festival Konvokesyen kali ini disambut dengan lebih meriah dan para pengunjung pasti terhibur dengan program-program menarik yang ditawarkan.
9. Justeru, perlunya semua ahli jawatankuasa pesta sentiasa bersedia melengkapkan diri dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan sifat-sifat peribadi yang tinggi dalam menjayakan matlamat sesebuah organisasi kelas pertama di UniMAP.
10. Sesungguhnya, kecemerlangan prestasi sesebuah organisasi adalah bergantung kepada agregat kecemerlangan prestasi individu-individu dalam berorganisasi. Ini adalah salah satu pembelajaran kognitif yang menjadi antara perkara utama untuk menangani cabaran industri Revolusi 4.0.

Anak didik yang saya kasihi sekalian,

PENUTUP

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi amat menghargai semua pengorbanan Jawatankuasa FESTKON 13 yang mengorbankan cuti semester mereka dan tidak pulang ke rumah untuk memastikan kelancaran program FESTKON kali ini.
12. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua warga Universiti Malaysia Perlis terutamanya mahasiswa serta hadirin dan hadirat sekalian agar menghargai pengorbanan mereka ini dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

13. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas bagi semua pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dalam menjalankan program ini. Semoga program FESTKON pada kali ini memberi semangat baru kepada seluruh warga UniMAP untuk terus berdaya saing dan mencipta lebih banyak kejayaan.

Ampun Tuanku, sekian sahaja ucapan patik.

Patik dan warga UniMAP sekali lagi merafak sembah menjunjung kasih atas perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat hadir ke majlis pada malam ini.

Sesungguhnya keberangkatan Duli-duli Tuanku meninggalkan kenangan manis yang terpahat di sanubari setiap warga UniMAP dan masyarakat sekitarnya.

Ampun Tuanku, patik sudahi dengan Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.